Pinjaman Pendidikan Yayasan ANGKASA

Pinjaman Pendidikan Yayasan ANGKASA mempelawa semua anggota koperasi, kakitangan koperasi dan anak anggota koperasi ahli ANGKASA serta kakitangan ANGKASA dan anak kakitangan ANGKASA untuk memohon pinjaman pendidikan bolehubah tanpa faedah kepada calon-calon berkelayakan bagi mengikuti kursus pengajian sepenuh masa/separuh masa/PJJ/PLK di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) Dalam Negeri.

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.1 Kelayakan Asas

i. Warganegara Malaysia

ii. Anggota koperasi ahli ANGKASA atau kakitangan koperasi ahli ANGKASA atau anak anggota koperasi ahli ANGKASA atau anak kakitangan ANGKASA

iii. **Ijazah Sarjana Muda (Degree)**
Berumur tidak melebihi 25 tahun untuk anak anggota dan anak kakitangan ANGKASA dan tidak melebihi 40 tahun untuk anggota dan kakitangan koperasi ahli ANGKASA pada tarikh permohonan

Sarjana (Master)
Berumur tidak melebihi 30 tahun untuk anak anggota dan anak kakitangan ANGKASA dan tidak melebihi 40 tahun untuk anggota dan kakitangan koperasi ahli ANGKASA pada tarikh permohonan

Doktor Falsafah (PhD)
Berumur tidak melebihi 40 tahun untuk anak anggota dan anak kakitangan ANGKASA dan tidak melebihi 45 tahun untuk anggota dan kakitangan koperasi ahli ANGKASA pada tarikh permohonan

iv. Telah menerima surat tawaran dari mana-mana IPTA/IPTS

1.2 **Kelayakan Akademik**

1.2.1 Ijazah Sarjana Muda

i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya 5A dan kepujian dalam Bahasa Melayu / Malaysia (khas bagi pelajar yang mendapat tawaran sains senibina UiTM sahaja) atau

- Lulus Diploma atau Matrikulasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK / CGPA 3.00 atau
- Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang diiktiraf setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya (B) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan 3 mata pelajaran yang lain atau
- Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya 5 kelulusan Jayyid – Jiddan dari mana-mana mata pelajaran dan berpengetahuan dalam bidang pengkomputeran dan Bahasa Inggeris.

1.2.2 Sarjana (Master)

i. Lulus Ijazah Sarjana Muda dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK / CGPA 3.00

1.2.3 Doktor Falsafah (PhD)

i. Lulus Sarjana (Master) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK / CGPA 3.00

2.0 SYARAT AM

i. Pelajar Tahun Pertama Pengajian (Surat tawaran Universiti adalah pada tahun yang sama ketika memohon pinjaman)
ii. Mesti mempunyai bukti keahlian koperasi yang berdaftar di bawah ANGKASA
iii. Tidak mendapat sebarang bantuan kewangan/biasiswa daripada mana-mana penaja lain.
iv. Minima empat (4) tahun pengajian (bagi mod pengajian sepenuh masa sahaja)

3.0 BIDANG PENGAJIAN

Keutamaan diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti bidang pengurusan koperasi, pengurusan kewangan, pengurusan perniagaan, pengurusan pelaburan, perakaunan, ICT, undang-undang, kejuruteraan, bioteknologi, sains sukan / kokurikulum dan bidang-bidang yang relevan dengan pembangunan koperasi. Pinjaman ini tidak membiayai bidang perubatan serta pengajian di luar negara.

**KEISTIMEWAAN PINJAMAN PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA - Pinjaman boleh diubah kepada Biasiswa berdasarkan pencapaian kelas dan gred pengijazahan (PNGK/CGPA) hanya bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda sahaja.*